

 UTM UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA	NOTIS PEMBERITAHUAN PEJABAT PERSEKITARAN, KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (OSHE) UTM
BILANGAN	: 04/2021
PERKARA	: PEMERIKSAAN KENDIRI PEMANTAUAN COVID -19 DI PTJ
TARIKH	: 31 JANUARI 2021
KEPADA	: SEMUA KETUA PTJ UTM
DARIPADA	: PEJABAT OSHE UTM
SALINAN KEPADA	: PEJABAT TNC (PEMBANGUNAN)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته
SALAM SEJAHTERA

Kepada Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

Perkara di atas adalah dirujuk

Universiti Teknologi Malaysia sentiasa komited untuk menyediakan tempat kerja yang selamat dan sihat untuk pencegahan kecederaan yang berkaitan dengan pekerjaan dan kesihatan, mengurangkan hazard dan risiko kepada pekerja, pelajar dan orang awam selaras dengan Polisi OSHE UTM.

Mutakhir ini, situasi pandemik COVID-19 di seluruh negara telah memasuki gelombang ketiga. Pejabat OSHE UTM telah mengambil inisiatif menyediakan Senarai Semak Penilaian dan Pengurusan Tempat Kerja bagi Pencegahan dan Kawalan Jangkitan COVID-19 di UTM. Senarai semak ini adalah bagi menyelaraskan semua PTJ di UTM agar dapat membuat Pemeriksaan Kendiri bagi Pemantauan Pematuhan COVID-19 di PTJ masing-masing.

Sehubungan itu, bermula **3 Februari hingga 16 Februari 2021**, Pejabat OSHE UTM akan menjalankan Sesi Pemantauan Pematuhan SOP COVID-19 di PTJ UTM. Ini bagi memastikan semua PTJ mematuhi dan mengamalkan SOP COVID-19 semasa yang telah digariskan oleh Pihak Universiti dan Pihak Berwajib. Disertakan bersama sebagai Lampiran :

1. Senarai Semak Penilaian dan Pengurusan Tempat Kerja bagi Pencegahan dan Kawalan Jangkitan COVID-19 (Semakan Kendiri oleh PTJ)
2. Panduan PKP 2.0 UTM
3. Infografik daripada Pusat Kesihatan (PKU UTM) & KKM
4. Prosedur Kerja Selamat Pencegahan COVID-19 di Tempat Kerja oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH)
5. Carta Alir Annex G: Prosedur Pengurusan Pandemik / Bencana

Perhatian dan kerjasama semua PTJ dan staf adalah amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“Berkhidmat Untuk Negara Kerana Allah”

Saya yang menjalankan amanah,



PROF. MADYA DR. MOHAMAD WIJAYANUDDIN BIN ALI

Pengarah

Pejabat Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHE)

UTM Johor Bahru

T: 07- 5531886 | **E:** oshe@utm.my | **W:** <https://www.utm.my/oshe/>